



حفل التخرج
HAF AL-TAKHARRUJ



رِيسْتَان

RISTAAN

اُونُوْرَسِيْتِي اِسْلَامِ سُلْطَانِ شَرِيْفِ عَلِي

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

2017M / 1439H



F



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI
WADDIEN SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

CANSELOR

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI



**DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA (DR.) HAJI AL-MUHTADEE BILLAH
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH,
MENTERI KANAN DI JABATAN PERDANA MENTERI**

PRO-CANSELOR

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Diterbitkan oleh:

UNISSA PRESS

Simpang 347, Jalan Pasar Baharu

Gadong BE 1310

Negara Brunei Darussalam

Hakcipta Terpelihara © 2017

Hakcipta Terpelihara. Kandungan buku "Ristaan" yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik dan susunannya serta bahan-bahannya ialah kepunyaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali kecuali dinyatakan sebaliknya.

Pengerusi

Dr Hajah Rose binti Abdullah

Ahli-Ahli

Julia binti Radin

Siti Nur Zuhaidah binti Haji Abdullah

Reka Bentuk Hiasan Kulit

Md Alias bin Haji Metussin

Siti Nur Zuhaidah binti Haji Abdullah

Jurufoto

Pusat Teknologi dan Multimedia

Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Isi Kandungan

- 8 *Sekapur Sirih*
- 9 *Titah*
- 12 *Hafl Al-Takharruj ke-6*
- 18 *Makrajan Hafl A-Takharruj ke-6*
- 23 *Akademik*
- 72 *Pengantarabangsa*
- 93 *Khidmat Masyarakat*

SEKAPUR SIRIH



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَلْمَبْعُوثِ
رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ؛



Alhamdulillah dengan Izin dan Rahmat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, buku Ristaan sempena Hafli Al-Takharruj Kali ke-7 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) 2017 telah berjaya diterbitkan. Tujuan buku ini diterbitkan adalah untuk memberi maklumat tentang kepesatan aktiviti pembelajaran, pembangunan dan pencapaian UNISSA dalam tempoh satu tahun daripada bulan Oktober 2016 hingga September 2017.

Selama sepuluh tahun penubuhannya, UNISSA telah mencapai kemajuan yang sangat memberangsangkan. UNISSA kini menjadi tarikan para pelajar sama ada dari dalam negara mahupun daripada kalangan pelajar-pelajar antarabangsa sekaligus menyaksikan pengiktirafan kepada UNISSA sebagai pusat pengajian Islam yang berwibawa.

Kewibawaan UNISSA semakin terserlah dengan bertambahnya jaringan kerjasama di antara institusi ini dengan universiti-universiti dalam dan luar Negara melalui Memorandum Persefahaman (MoU). Penghantaran para pelajar cemerlang UNISSA menerusi *Study Abroad Program* (SAP) ke negara Jordan, Malaysia, Oman, United Kingdom dan Emiriah Arab Bersatu juga menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.

Di samping itu, para tenaga akademik dan mahasiswa-mahasiswi juga bergiat aktif dalam penganjuran seminar di dalam dan luar negara, ekspo, forum, ceramah umum, bengkel, kursus, khidmat masyarakat, aktiviti kepimpinan, pertandingan dan sebagainya.

Saya berharap agar ahli-ahli akademik sentiasa *istiqamah* dalam mendidik para pelajar UNISSA dengan bekalan ilmu holistik yang mencakupi ilmu dunia dan akhirat, untuk memenuhi inspirasi dalam melahirkan generasi beragama, berwawasan, berakhlak mulia lagi progresif ke arah memenuhi wawasan 2035 sekaligus merealisasikan gagasan negara zikir yang sentiasa mendapat kerediaan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian di Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan sentiasa memberikan taufiq dan hidayahNya agar UNISSA menuju jalan yang diberkati dan dirahmati, serta menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang terbilang dengan penghayatan Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan *syumul*.

Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal
Rektor
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

TITAH



Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Hafl Al-



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين، والصلاة والسلام على أشرف المرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعد،

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadhrt Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana atas limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita berkumpul di Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-6, Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada pagi ini.

Beta terlebih dahulu mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada para graduan yang menerima ijazah dan diploma masing-masing pada hari ini. Tidak lupa juga dirakamkan tahniah kepada para ibu bapa, penjaga dan pensyarah, yang sentiasa bertungkus lumus untuk melihat para graduan beroleh kejayaan.

Beta amat gembira mengetahui bahawa pada Haflut Takharruj Ke-6 ini, Universiti Islam Sultan Sharif Ali berjaya mengeluarkan kumpulan pertama bagi program 'double-degree', iaitu Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Perundangan Syar'iah. Di samping itu, Beta juga difahamkan bahawa para graduan pengambilan pertama bagi Sijil Sistem Keadilan Jenayah Syar'iah telahpun menamatkan pengajian mereka di UNISSA.

Alhamdulillah, pada hemat Beta, pencapaian ini amatlah bermakna, selari dengan keperluan negara dan perkembangan ilmu pengetahuan semasa.

Sementara itu, Beta juga berharap, para graduan tidak hanya berpuas hati setakat memperolehi sijil dan gelaran akademik semata-mata, tetapi juga, perlu mampu untuk menjadi penggerak kepada jentera Kerajaan Beta, khususnya, dalam pemantapan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013.

Demikian juga, dalam menghadapi isu semasa berupa tohmahan atau provokasi terhadap Islam, Beta melihat UNISSA mempunyai peranan yang sangat diperlukan untuk menyampaikan gambaran yang betul dan tepat mengenai agama ini.

Ke arah ini, para pelajar UNISSA bukan sahaja dikehendaki untuk celik Al-Qur'an dan bahasa Arab, tetapi juga perlu memahami secara mendalam karya klasik para ulama silam Ahli Sunnah Waljama'ah dalam pelbagai disiplin ilmu.

Di samping itu UNISSA, selaku gedung ilmu, juga perlu peka dengan landskap perkembangan pengajian dan tuntutan keperluan sumber tenaga manusia untuk Brunei.

Maka untuk itu, Beta amat optimis bahawa langkah penjenamaan semula fakulti pengembangan dan penawaran program baru serta penilaian dan pindaan beberapa kursus adalah langkah bijak dan tepat oleh UNISSA. Langkah ini adalah antara inisiatif terbaik untuk mengembangluaskan lagi pasaran kerjaya bagi graduan lepasan universiti ini.

Sebenarnya masih banyak ruang yang perlu diteroka oleh UNISSA. Salah satu ialah bidang yang berkembang pesat sehingga ke peringkat antarabangsa pada masa ini iaitu industri halal. Bukankah aspek halal itu merupakan tuntutan utama dalam Ugama Islam?

Nilai pasaran global adalah semakin meningkat dan dianggarkan berjumlah sangat besar. Ia meningkat sebanyak 16% dari keseluruhan industri makanan dunia dan boleh menjangkau sehingga 20% dari perdagangan dunia dalam produk makanan sahaja.

Oleh sebab itu, Beta menyokong penuh rancangan UNISSA untuk menubuhkan sebuah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Halal di UNISSA sebagai pemangkin kepada hasrat Beta untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai 'hub halal global' yang akan membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Maka untuk itu UNISSA mustahak diberikan perhatian. Perhatian utama, termasuk oleh pihak-pihak berkenaan bagi memikirkan pembinaan bangunan kampus kekalnya di Temburong. Ini penting, sebagai pelengkap perkembangan, selaku sifatnya sebuah pusat pengajian tinggi Islam bertaraf dunia.

Akhirnya, Beta mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA, yang meliputi ahli-ahlii Majlis dan Senat Universiti, Rektor, Pegawai-pegawai Utama, ahli-ahli akademik dan seluruh pegawai serta kakitangan universiti di atas segala sumbangan dan khidmat bakti mereka. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan membalas mereka dengan ganjaran yang berlipat ganda.

Se kian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.



HAFL AL-TAKHARRUJ KE-6

MAHRAJAN HAFL

AL-TAKHARRUJ KE-6



THE 6th HAFL AL-TAKHARRUJ

219 graduates of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) received their certificates from His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and Chancellor of UNISSA, at the 6th UNISSA Convocation held on 22 October 2016 at the International Convention Centre (ICC) in Berakas. Accompanying the monarch was His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah, the Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office and Pro-Chancellor of UNISSA.



His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and Chancellor of UNISSA, at the 6th UNISSA Convocation.







Group photos of graduates of UNISSA



with the key executive officers of UNISSA



THE 6th MAHRAJAN HAFL AL-TAKHARRUJ



His Royal Highness Prince (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, the Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office and Pro-Chancellor of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) at the launching ceremony.

His Royal Highness Prince (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, the Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office in his capacity as Pro-Chancellor of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), opened the institute's 6th Mahrajan Hafl Al-Takharruj convocation festival on 12 October 2016M at the International Convention Centre (ICC), Berakas. The annual event marked the start of a celebration period for UNISSA's graduation event.

The event commenced with a recital of Surah Al-Fatihah by Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Hamid bin Bakal. After declaring the Mahrajan Hafl Al-Takharruj opened in a sabda, the Crown Prince proceeded to tour an exhibition themed "Islamic Finance and Entrepreneurship Develops Self-Sufficient Generation".

The theme was to highlight UNISSA's contributions in realizing Brunei as a Zikir Nation through Islamic finance and entrepreneurship.



His Royal Highness Prince (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, the Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office and Pro-Chancellor of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), launched the 26 new publication.

His Royal Highness had also launched 26 new publications of books while officiating the 6th Mahrajan Hafl Al-Takharrij or UNISSA convocation festival.

Among them were a journal, a dictionary of Syariah Criminal Law terms, which is a guide to understanding Islamic jurisprudence, 11 books in Arabic, six in Malay and three in English.



His Royal Highness signed a plaque for the rebranding of the previous Faculty of Business and Management Sciences to the Faculty of Islamic Economic and Finance (FEKIM).




The background features a complex, repeating purple geometric pattern. The pattern consists of interlocking lines forming various shapes, including stars and floral motifs. The pattern is most prominent at the top and bottom of the page, fading towards the center. On the right side, there is a vertical strip with a different, more intricate pattern, possibly a traditional textile design.


AKADEMIK



Jumlah Pelajar Sarjana Muda dan Diploma Sesi Pengajian 2017/2018



Jumlah Pelajar Lepas Ijazah Sesi Pengajian 2017/2018




Jumlah Graduan UNISSA 2017

Program	2017
PhD	1
Sarjana	38
Sarjana Muda	95
Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syariah	6
Diploma Lepas Ijazah	14
Diploma Tertinggi Kebangsaan Dirasat Islamiah	2
Sijil Sistem Keadilan Jenayah Syariah	11
Barnamij al-Tarqiyah	12
Sijil Khas Hafaz al-Quran 30 Juzuk	3
Jumlah	182

UNISSA Academic Staff 2017

	Position	Locals	Expatriates	Total
1	Senior Professor	-	1	1
2	Professor	-	7	7
3	Associate Professor	-	9	9
4	Senior Assistant Prof	-	4	4
5	Senior Lecturer	6	8	14
6	Assistant Professor	5	2	7
7	Lecturer	24	13	37
8	Assistant Lecturer	7	2	9
9	Tutor	4	-	4
Total		46(50%)	46(50%)	92

UNISSA Expatriates Academic Staff Nationalities





UNISSA Supporting Staff 2017

	Posts	Total
1	Officers & staff	62
2	Officers & staff (seconded)	12
3	Staff (daily paid)	10
4	Staff (part time)	23
Total		107



Academic Programs



Programs Offered To The Public

MBBQ

• Mari Belajar Bahasa Al-Qur'an

PKBQ

• Kemahiran Bahasa Al-Qur'an

PTBQ

• Tatabahasa Bahasa Al-Qur'an

PMMQ

• Program Memahami dan Menghayati Al-Qur'an


Program

• Tadabbur Al-Qur'an



PENYELIDIKAN

UNISSA



Bengkel 'Plagiarisme and Copyright'

Bengkel 'Plagiarisme and Copyright' telah dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) UNISSA pada 2 Sya'ban 1438H bersamaan 29 April 2017M bertempat di Bilik Latihan L1.3, UNISSA. Antara objektif bengkel ialah untuk mengupas dan mengenal pasti isu-isu berkaitan plagiat (ciplak) dan hakcipta dalam sesebuah penulisan dan penyelidikan.

Bengkel tersebut telah disampaikan oleh Prof. Dr. Nehaluddin Ahmad, Profesor Fakulti Syariah dan Undang-Undang UNISSA.



Bengkel Penggunaan Perisian SPSS & Analisis Data

Bengkel Penggunaan Perisian SPSS & Analisis Data anjuran Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) UNISSA telah diadakan pada 26 hingga 27 Ramadan 1438H bersamaan 21 hingga 22 Jun 2017M bertempat di Bilik Lab Komputer, UNISSA. Bengkel tersebut telah disampaikan oleh Dayang Raudha binti Ramli, Felo Penyelidik Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI) UNISSA.




Bengkel Impak dan Visibiliti Penyelidikan

Bengkel Impak dan Visibiliti Penyelidikan telah diadakan oleh Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) pada 24 Ramadan 1438H bersamaan 19 Jun 2017M bertempat di Bilik M1.12, UNISSA. Fasilitator bengkel berkenaan ialah Prof Dr Abdul Ghafar Ismail, Profesor Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm).



PENERBITAN

UNISSA



Statistik Bahan Terbitan UNISSA 2016



Pelancaran Buku

'Zikrayati: Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned Tokoh Yang Saya Kenali'



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) telah menerbitkan satu lagi buku bersejarah bertajuk “Zikrayati: Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned Tokoh Yang Saya Kenali”.

Pelancaran buku hasil tulisan Pegawai Istinbat Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Dr. Haji Muhammad Nur Lubis bin Abdul Razak itu telah

disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal pada 8hb November 2016 di Bilik Latihan, UNISSA.

Majlis pelancaran diakhiri dengan penandatanganan surat perjanjian antara UNISSA Press yang diwakili oleh Pemangku Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan UNISSA, Dr Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi dengan Dato Paduka Dr. Haji Muhammad Nur Lubis bin Abdul Razak selaku penulis buku tersebut.

UNISSA dan KUIS Bekerjasama Terbitkan Buku


Pada 6 November 2016, Buku *“Wacana Peradaban dan Pemikiran Islam: Interaksi dan Sumbangan Nusa Bangsa”* hasil terbitan kolaborasi antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah dilancarkan oleh Yang Berbahagia Profesor Dato’ Dr Ab. Halim Tamuri, Rektor KUIS bersempena Seminar Serantau Peradaban dan

Pemikiran Islam (ReCIT 2016) di Masjid Ibrahim, Perth, Australia. Penerbitan buku ini juga adalah manifestasi jalinan strategik daripada penandatanganan Memorandum Persefahaman antara UNISSA dan KUIS yang dimeterai pada bulan Februari 2016. Buku ini mengandungi kertas-kertas kerja terpilih daripada ReCIT 2015 dan beberapa kertas lain yang dikompilasi menjadi sebuah buku.



Pelancaran Buku *“Wacana Peradaban dan Pemikiran Islam: Interaksi dan Sumbangan Nusa Bangsa”* hasil terbitan kolaborasi antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di Masjid Ibrahim, Perth, Australia.

Perasmian Buku 'Perbualan Bahasa Arab untuk Haji-Umrah-Ziarah'



Buku *Perbualan Bahasa Arab untuk Haji-Umrah-Ziarah* edisi pertama telah dilancarkan.

Pada 17 Julai 2017M, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) telah menerbitkan buku panduan '*Al-Muhadathah bi Al-Lughah Al-Arabiyyah Li Agrad Hajj-Umrah-Ziarah*' (Perbualan Bahasa Arab untuk Haji-Umrah-Ziarah).


Pelancaran buku panduan berkenaan telah diadakan di UNISSA dan disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku tetamu kehormat majlis.

Buku panduan berkenaan bermatlamat untuk membantu para jemaah haji dan umrah serta mereka yang berhasrat menziarahi kota Mekah al-Mukarramah dan kota Madinah al-Munawwarah berkomunikasi dalam Bahasa Arab mengikut situasi dan lokasi yang berbeza.

Sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai telah membawa kepada penerbitan buku edisi ke-2 selepas edisi pertama dilancarkan dalam tempoh sebulan sahaja. Ini menunjukkan betapa perlunya masyarakat kepada buku panduan Haji dan Umrah ini.



Suasana pelancaran buku panduan berkenaan.



Penerbitan edisi kedua buku *Perbualan Bahasa Arab untuk Haji, Umrah dan Ziarah* selepas mendapat sambutan hangat daripada masyarakat.



Bengkel Merombak Tesis kepada Buku

Bengkel Merombak Tesis kepada Buku telah dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) pada 2 - 4 Jamadilakhir 1438H bersamaan 1 - 4 Mac 2017M di Auditorium UNISSA.



Peserta adalah terdiri daripada tenaga akademik UNISSA, Universiti Brunei Darussalam, Politeknik Brunei, Pusat Sejarah dan Jabatan Muzium-Muzium. Bengkel tersebut dikendalikan oleh Prof. Dr Roosfa Hashim, Pengarah IIUM Press, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

21 Peserta Tamat Bengkel Penyuntingan Buku

Seramai 21 orang peserta telah menyertai Bengkel Penyuntingan Buku anjuran Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) UNISSA pada 24 hingga 26 Syawal 1438H bersamaan dengan 18 hingga 20 Julai 2017M di Dewan Bankuet, UNISSA. Para peserta terdiri daripada pegawai dan pelajar UNISSA, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Muzium, Pusat Dakwah Islamiah dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).

Bengkel tersebut merupakan sebahagian usaha untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai kerja-kerja penilaian awal penyuntingan, peranan penyunting dan penghasilan kerja



penyuntingan. Ia juga bertujuan untuk melatih dan membimbing para peserta mengenai penghasilan suntingan buku dan diharap dapat memberikan pendedahan tentang kaedah menyunting yang m e n c a p a i p i a w a i - an antarabangsa dalam kalangan ahli akademik UNISSA dan para peserta lain.

Fasilitator bengkel berkenaan ialah Profesor Madya Dr Roosfa Hashim, seorang pakar dalam bidang

AKTIVITI

Pelajar

PELAJAR BAHARU UNISSA MULAKAN MINGGU TA'ARUF



Seramai 365 pelajar baharu telah memulakan pengajian di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bagi Sesi Pengajian 2017/2018 yang diadakan di Dewan Auditorium, UNISSA. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengerusi Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad yang turut menyampaikan ucapan amanah dan seterusnya merasmikan Minggu Ta'aruf Sesi Pengajian 2017/2018 pada 25 Julai 2017M. Menurut beliau terdapat peningkatan sebanyak 12.65% kemasukan pelajar-pelajar ke UNISSA dan dari bilangan tersebut seramai 297 orang (81.4%) akan mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda dan selebihnya sebanyak 18.6% mengikuti pengajian di peringkat Lulusan Ijazah. Beliau seterusnya menambah, UNISSA menggalas amanah dan tanggungjawab yang amat

besar dalam memperkasa dan memantapkan diri pelajar dan berperanan untuk melahirkan ulama dan cendekiawan yang dihasratkan dapat membantu dan menyumbang sebagai agen 'Negara Zikir'. Para pelajar-pelajar yang mengikuti Minggu Ta'aruf juga membaca ikrar yang telah diketuai oleh Awang Khairul Muhtadee bin Hamzah. Sepanjang Minggu Ta'aruf dijalankan, ianya akan diisi dengan taklimat-taklimat pentadbiran dan akademik universiti di samping diselitkan dengan program-program kerohanian, motivasi dan khidmat masyarakat yang dikendalikan oleh Majlis Perwakilan Pelajar. UNISSA yang terletak di Jalan Pasar Baharu Gadong, merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi negara yang melahirkan mahasiswa, mahasiswi Universiti Islam yang tulen sejak ianya mula ditubuhkan pada tahun 2007.



14 PELAJAR PROGRAM PENGAJIAN LUAR NEGARA DIRAIKAN



Gambar Ramai Pelajar UNISSA Terpilih Mengikuti "Study Abroad Programme".

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bagi pelajar-pelajar UNISSA yang mengikuti Program Pengajian Luar Negara atau 'Study Abroad Programme' (SAP) pada 12 Ogos 2017M di bilik Banquet, UNISSA.

Majlis ini adalah sebagai tanda penghargaan dan juga sokongan kepada pelajar yang terpilih dalam mengikuti program bagi sesi pengajian 2017/2018. Pemilihan pelajar mengikuti program ini adalah berpandukan kepada keputusan cemerlang yang diperolehi dalam bidang akademik di samping penglibatan yang aktif dalam bidang kokurikulum.

Seramai 14 orang pelajar UNISSA yang cemerlang dan layak akan mengikuti Study Abroad Program (SAP) di Universiti Islam Antarabangsa

Malaysia, Universiti Jordan, Universiti Sultan Qabus, Oman, Universiti Sharjah, Emiriyah Arab Bersatu, Universiti Sains Islam Malaysia, dan Universiti Yarmouk, Jordan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis berkenaan ialah Yang Mulia Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Yang Mulia Rektor UNISSA menyeru kepada para pelajar yang terpilih agar mempunyai semangat kental dalam menghadapi pelbagai dugaan ketika mengikuti pengajian di luar negara. Para pelajar perlu menimba ilmu sebanyak mungkin, dan mendapatkan pengalaman, serta mempelajari budaya positif. Begitu juga, para pelajar perlu melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti berkebajikan semasa berada di perantauan nanti.

UNISSA Lantik Tujuh MPP Baharu 2017 / 2018



Tujuh mahasiswa dan mahasiswi telah dipilih bagi menerajui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2017/2018 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) untuk menggantikan ahli-ahli yang terdahulu.

Majlis Pembubaran MPP Unissa Sesi 2016/2017 dan Pelantikan Ahli Majlis Tertinggi MPP Sesi 2017/2018 anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) diadakan pada 4 Zulhijjah 1438H bersamaan 26 Ogos 2017M di Dewan Auditorium, UNISSA.

Seramai 11 calon dinamakan dan dalam pusingan kedua, pelajar-pelajar UNISSA sekali lagi membuang undi bagi memilih pelajar yang akan memegang tujuh jawatan sebagai Ahli Majlis Tertinggi, MPP UNISSA.

2018 ialah Awang Muhammad Fuad bin Matahir dari Program Kewangan Islam selaku Yang Di-Pertua; Awang Mohammad Rif'at Atiyah bin Anwari dari Program Undang-Undang dan Perundangan Syariah selaku Naib Yang Di-Pertua I; Dayangku Siti Nurkhairina binti Pengiran Metusin dari Program Usuluddin (Tafsir & Hadith) selaku Naib Yang Di Pertua II; Awang Muhammad Hisyamuddin bin Mohammad Ali dari Program Undang-Undang dan Perundangan Syariah selaku Setiausaha I; Dayang Hajah Nur Farhanah binti Haji Sulaihe dari Program Sarjana Muda Usuluddin (Akidah & Dakwah) selaku Setiausaha II; Awang Mohamad Sofian bin Alias dari Program Pengurusan Perniagaan selaku Bendahari I dan Dayang Aisyah binti Haji Omar dari Program Kewangan Islam selaku Bendahari II.

Hadir pada majlis tersebut ialah Penolong Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad. Turut hadir pegawai-pegawai utama UNISSA, tenaga-tenaga akademik, pegawai-pegawai, kakitangan sokongan serta mahasiswa / mahasiswi UNISSA.



Ahli Majlis Tertinggi MPP bagi Sesi 2017 /

Majlis Watikah Perlantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2017/2018 dan Penghargaan Bagi Majlis Perwakilan Pelajar 2016/2017



Bahagian Hal Ehwal Pelajar UNISSA telah mengadakan Majlis Watikah Perlantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2017/2018 dan Penghargaan Bagi MPP 2016/2017, UNISSA pada 9 September 2017M di Dewan Auditorium, UNISSA.

Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah Yang Mulia Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal dan seterusnya menyampaikan ucapan kata-kata nasihat serta penyampaian sijil penghargaan.

Yang Mulia Rektor menyeru kepada barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang baru agar dapat menjalankan tugas kepimpinan dengan penuh dedikasi dan berdisiplin tanpa menjejaskan reputasi

pembelajaran. MPP mempunyai peranan yang penting dalam sama-sama mencorak hala tuju UNISSA untuk menjadikan sebuah universiti yang terunggul.

Beliau seterusnya menyampaikan harapan kepada barisan pemimpin baru MPP 2017/2018 supaya berusaha menjalankan tugas mereka dengan menggerakkan aktiviti-aktiviti pelajar dalam bidang akademik mahupun kegiatan-kegiatan ko-kurikulum lebih-lebih lagi yang bersangkutan dengan khidmat agama, masyarakat dan negara.

Seramai 30 orang pelajar telah dilantik untuk mengisi jawatan-jawatan MPP UNISSA dan Exco bagi sesi 2017/2018.

Acara diselenggarakan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada bekas Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNISSA sesi 2016/2017.

MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN BARU HIJRAH 1439 H



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Majlis Sambutan Tahun Baru Hijrah 1439 pada 6 Muharram 1439H bersamaan 27 September 2017M yang diadakan di Auditorium, UNISSA.

Tetamu kehormat ialah Yang Mulia Dr Haji Mohammed Hussain Bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Pemangku Rektor UNISSA.

Acara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al Quran dan Surah Al-Fatihah dibacakan oleh Abdul Mu'in bin Haji Abdul Hamid, mahasiswa Tahun 1 Diploma Jenayah Undang-Undang. Majlis diteruskan lagi dengan persembahan Syarahan yang disampaikan oleh Dayang Siti Julaiha binti Puasa, mahasiswi Tahun 4, Sarjana Muda Syariah dan Undang-

undang bertajuk “Apa ada dengan Hijrah?”.

Persembahan Syarahan dengan tajuk “Hijrahnya Mus'ab bin Umair” juga telah disampaikan oleh Awang Muhammad Fuad bin Matahir, mahasiswa Tahun 2 Sarjana Muda Ekonomi dan Kewangan Islam. Kedua pelajar ini adalah aktif dalam bidang pidato atau syarahan dan pernah menyertai pertandingan “Aksi Asia 2016” di Indonesia.

Majlis ini juga diteruskan lagi dengan Penyampaian Insentif kepada mahasiswa dan mahasiswi yang telah mengharumkan nama UNISSA di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa yang disempurnakan oleh Tetamu Kehormat.

Antara objektif acara ini adalah untuk memperingati tentang pengorbanan dan penghijrahan Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam bersama sahabat-sahabat baginda di samping untuk menghayati dan menjiwai lagi perkara-perkara yang tersirat dalam peristiwa tersebut.

Majlis di akhiri dengan Bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Haji Mohammad Ali Taufiq bin Haji Abdul Rahman.



Yang Mulia Pemangku Rektor menyampaikan hadiah Insentif kepada beberapa mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

UNISSA Representative Shines in Arabic Language in Malaysia



Members of the UNISSA delegation in group photo before departing for Kuala Lumpur, Malaysia.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) participated in the Asean Young Entrepreneur Challenge and Ihtifal USIM-IPT Asean on 11 Rejab 1438H corresponding to 8 April 2017M held at Kuala Lumpur, Malaysia. For the Ihtifal USIM-IPT Asean, UNISSA sent a representative for the Arabic

language debate, bilingual debate and *Tilawah Al-Quran* (Qari and Qariah).

The programme, carrying the theme '*Wasatiyyah Asas Transformasi Belia*', gathered around 700 students from higher-learning institutions from Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapore and Thailand. The representative from UNISSA's Arabic language debate team successfully obtained the 'Best Speaker' twice in five competition rounds.

The Asean Young Entrepreneur Challenge 2017, which launched on March 30 at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), saw UNISSA participating, represented by two teams comprising members of its Economics and Islamic Finance Faculty.

UNISSA representatives attended intensive skill building sessions which include an entrepreneurship workshop, entrepreneurship talk, marketing camp and sharing session with enterprises based in Johor and Negeri Sembilan during the programme.

23 Ahli MPP UNISSA Tamatkan Kursus Kepimpinan di OBBD



Outward Bound Temburong (OBBD) selama dua hari pada 6 hingga 8 Disember 2016.

Seramai 23 orang ahli MPP UNISSA telah berjaya menamatkan Kursus Sekapur Sireh di Pusat Outward Bound Brunei Darussalam, Temburong. Sepanjang kursus tiga hari tersebut, pelajar membina pengalaman mengikuti pelbagai aktiviti, termasuk kayak, 'flying fox', aktiviti 'team building' dan 'jungle trekking'.

Kursus tersebut bertujuan untuk membina ketahanan fizikal dan mental, kecepatan daya berfikir, semangat kerja berpasukan, berdiskari, berdisiplin dan sebagainya.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengendalikan aktiviti Kursus Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP UNISSA) bertempat di

Penglibatan para pelajar di dalam kursus ini diharap dapat mencapai objektif untuk membentuk sebuah persatuan pelajar yang dinamik, berwawasan, berkebolehan serta berkepimpinan.

UNISSA Educate Brunei Youths through 'Awakening the Ummah' Event



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) through the Student Affairs Section (HEP) with the cooperation of the Student Representative Council launched the 2nd 'Awakening the Ummah' event on 6 - 9 April 2017 at UNISSA's gymnasium.

The opening ceremony was officiated by Rector of UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal. Also present was Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, the Deputy Rector of UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad, Assistant Rector; officers, deans, deputy deans, lecturers, staff and students of UNISSA.

Among the objectives of the event include reviving the Sunnah (prophetic ways) of Prophet Muhammad *Sallallahu Alaihi Wasallam*, carrying the theme 'Sparkles of Sunnah'. The event seeks to raise public awareness of the Sunnah that can be adopted from every exhibition. It also aims to foster close ties among UNISSA residents and the public.



Sambutan Hari Bahasa Arab dan Tamadun Islam UNISSA



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) dan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), dengan kerjasama Pelajar Mobiliti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengadakan Sambutan Hari Bahasa Arab dan Tamadun Islam pada 15 April 2017M. Tema program berkenaan ialah “Memperkasa Bahasa Arab, Menelusuri Tamadun Islam”. Program ini telah berlangsung di Dewan Auditorium UNISSA dan sebahagian aktiviti diadakan di Gimnasium UNISSA. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Pemangku Rektor UNISSA. Program tersebut dipengerusikan oleh Yang Mulia Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, Dekan FBA UNISSA dan Yang Mulia Prof Dr Haji Mahayuddin bin Haji Yahaia, Dekan FPPI UNISSA.



UNISSA Anjur Forum Maulud Nabi



Forum disampaikan oleh dua ahli panel daripada kalangan mahasiswa Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah dan Sarjana Muda Bahasa Arab.

Pada 22 Disember 2016, majlis sambutan sempena kelahiran Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi Wassalam* telah diadakan di Auditorium Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Tetamu kehormat majlis ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yassin dan Tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Penolong Pensyarah Fakulti Usuluddin, Haji Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit dan diteruskan dengan Forum Maulud Nabi S.A.W yang bertemakan 'Berwawasan Yang Berkat dengan Contoh Kepada Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wassalam*'

Forum disampaikan oleh dua ahli panel daripada kalangan mahasiswa Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah, Awang Mohammad Rif'at Atiyah bin Anwari dan Sarjana Muda Bahasa Arab, Awang Mohd

Najib bin Haji Ali.

Dalam sesi forum, ahli-ahli panel telah menyentuh beberapa kaedah bagi menanamkan kecintaan terhadap Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wassalam*, di antaranya dengan cara mengenang akan pengorbanan dan jasa Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi Wassalam* serta mempraktikkan sunnah Baginda Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wassalam* sebagai satu ibadah demi meraih reda Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Objektif majlis adalah untuk memperingati dan membesarkan sejarah junjungan mulia Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi Wassalam* melalui kefahaman dan penghayatan terhadap sirah perjuangan Baginda menegakkan Islam. Majlis juga antara lain bertujuan untuk sama-sama menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi Wassalam* dengan memupuk semangat cintakan Baginda.



UNISSA Made History at Arabic Debate Competition in Doha, Qatar

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) made history when Gita Afriani Putri was hailed as the best debater in the 4th Inter-University Arabic Language Debate Competition, which took place in Doha, Qatar on 7 - 12 April 2017. The UNISSA team was represented by Mohammad Bahauddin bin Haji Abu Bakar, Jupriadi bin Ramli, Siti Norafina binti Haji Yusof and Gita Afriani Putri. They were accompanied by Dr Omari Abdallah Semasaba, the lecturer of Faculty of Arabic Language, UNISSA. The debate, held every two years, was divided into two parts, for speakers of Arabic as a first language, and for non-Arabic speakers. This year, 87 universities from 48 countries participated in the competition.



Gita Afriani Putri (right) hailed as the best debater in the 4th Inter-University Arabic Language Debate Competition.

Penuntut UNISSA Sertai Program TV di Indonesia



Enam orang wakil negara yang terdiri daripada penuntut-penuntut Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), telah berlepas ke Indonesia pada 21 Mei 2017M bagi menyertai Program Aksi Asia, Akademi Sahur Indonesia yang disiarkan di Stesen TV Indosiar sepanjang bulan Ramadan. Para peserta berkenaan ialah Awang Mohammad Rif' Atiyah bin Haji Anwar, Awang Mohd Khairul Wafiy bin Khairil Anuar, Dayang Siti Julaiha binti Puasa, Awang Mohd Fuad bin Matahir, Awang Adi Aismat bin Haji Lamat dan Awang Mohd Hajib Sarhan bin Harkani.



The new ALSA Brunei board members with the lecturers of Faculty of Syariah and Law UNISSA.

Appointment of New ALSA Brunei Board Members

The Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), through the Asian Law Students' Association (ALSA) Brunei National Chapter had conducted an appointment ceremony for the new National Board (NB) and National Chapter (NC) 2016-2017 members together with the dissolution of the former NB and NC 2015-2016 members. The ceremony was held at the university's auditorium and was attended by students and lecturers of the Faculty of Syariah and Law on 5 November 2016.

The association provides a venue for law students to get first-hand experience and to develop as future leaders and major players of Asia. The reformation of the new board serves to give opportunities to intensify legal skills apart from sharpening one's potential. Recently, 10 graduates from the first intake completed their double degree programmes in Bachelor of Syariah and Bachelor of Law whereby one of the graduates became the first president of ALSA Brunei.

The event commenced with the recitation of *Doa* followed by a welcoming speech by Dr Widad binti Haji Abdul Aziz, Head of Law Programmer, Faculty of Syariah and Law. She expressed that the new NB members of ALSA will endeavour to acquire distinctive qualities of leadership in upholding the trust and responsibility as recognised in Islam towards achieving not only the objectives written under the ALSA constitution, but also the extent of seeking the approval of Allah the Almighty. It was then followed by a short speech by Nur Azilla Liyana binti Azam Zaki, former president of ALSA Brunei 2015-2016.

The event proceeded with the presentation of certificates of appreciation to the former NB and NC members, followed by a congratulatory certificate to the new NB and NC members. Haji Muhd Danish Iqbal bin Haji Arifin, President of ALSA Brunei 2016-2017, hoped that ALSA will be a stable platform where law students from Brunei can experience cultural diversity, professionalism, legal related activities, trainings in accordance to the teachings of Al-Quran and Al-Sunnah. The event ended with the recitation of *Doa*.

Eight UNISSA Students Attended ALSA Conference in Indonesia



UNISSA students departed to Bandung, Indonesia to participate in the Asian Law Students' Association Conference (ALSA Conference).

ALSA is a non-political, non-profit association that welcomes cultural diversity and advances the professionalism and hard-working ethic which are the evident characteristic of Asians.

ALSA has continuously improved as a premier association that provides the venue for law students to develop as future leaders of Asia.

ALSA has its official's seat in Zurich, Switzerland and is therefore recognised under Swiss law.

Eight law students from Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) left for Bandung, Indonesia on 17 Rabiulakhir 1438H corresponding to 15 January 2017M to participate in the Asian Law Students' Association Conference (ALSA Conference).

ALSA has three visions - to focus a global vision on the promising future of Asia, to promote an awareness of justice and facilitate the recognition of the social responsibilities of law students.

UNISSA - UKM Held 'Kenali Brunei'



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), through its Faculty of Arabic Language (FAL) and Faculty of Islamic Development Management with the cooperation of Student Mobility of Islamic Institution Faculty, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), held an expedition titled 'Kenali Brunei' with the theme 'Jalinan Mahabbah, Mempererat Ukhawah' on 3 - 4 March 2017. Temburong was chosen as the main destination. Twenty-nine Year 3 students from UNISSA and UKM joined the expedition, led by the Dean of FBA, Dr Siti Sara binti Haji Ahmad.

Program Kepimpinan Global di Romania

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menyertai Program Kepimpinan Global kali ke-4 anjuran Persatuan Universiti-universiti Asia dan Pasifik (AUAP) pada 18 - 20 Mei 2017 di Universiti Danubius, Galati, Romania. Program yang mengumpulkan 25 mahasiswa-mahasiswi dari universiti ahli AUAP diisikan dengan bengkel dan kelas mengenai kepelbagaian budaya, teknologi maklumat, kepimpinan, keusahawanan dan media sosial serta Forum Berkongsi dan Belajar yang diadakan kali ke-15. UNISSA telah diwakili oleh dua mahasiswa iaitu Yang Di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Awang Muhammad Syahirul Syafiq bin Rashid dan Naib Yang Di-Pertua MPP, Awang Mohammad Bahauddin bin Haji Abu Bakar. UNISSA telah menjadi ahli AUAP pada tahun 2016.



UNISSA Semarak Hari Kebangsaan ke-33



Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-33, 2017 merupakan sambutan yang sangat penting dalam menzahirkan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mendokong kepimpinan bijaksana Baginda serta kerajaan Baginda selain dapat memperlihatkan semangat patriotism dan perpaduan yang jitu. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) tidak terkecuali terlibat dalam perbarisan di upacara perhimpunan agung ini. Acara perhimpunan agung sambutan telah diadakan di Taman Haji

Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara, pada 26 Jamadilawal 1438H bersamaan dengan 23 Februari 2017M dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja. Upacara perbarisan lalu diketuai oleh Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA. Penyertaan UNISSA turut melibatkan semua pegawai-pegawai eksekutif dan utama, pensyarah-pensyarah, kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

UNISSA Sertai Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alalhi Wasallam*



Pada 12 Rabiulawal 1438H bersamaan 12 Disember 2016M, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) seperti lazimnya berpeluang untuk menyertai perarakan sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi Wasallam*. Acara ini telah diadakan di Taman Sir Muda Omar Ali Saifuddin di Bandar Seri Begawan.

Kurapak Kitani Siri ke-6



Dayang Nur Nazwana binti Dayang Mohd Zain, Pegawai Psikologis daripada Bahagian Perkhidmatan Psikologi Klinikal, Kementerian Kesihatan

Haji Mohd Zain, Pegawai Psikologis daripada Bahagian Perkhidmatan Psikologi Klinikal, Kementerian Kesihatan dengan tajuk "*Stress? Chill Saja Bah*". Moderatornya pula ialah Dayang Siti Diyanatul Widad binti Haji Ismat.

Antara intipati tajuk berkenaan ialah bahawa punca-punca tekanan (*stress*) seorang pelajar adalah daripada persekitaran, keperibadian dan kesihatan. Secara umumnya, tekanan (*stress*) amat sukar untuk diatasi akan tetapi seseorang itu perlu berusaha dengan mengawalinya dengan cara bersenaman dan makan makanan yang seimbangan.

Objektif majlis ini diadakan adalah untuk mewujudkan perbincangan yang bertepatan dengan kondisi mahasiswa/i dan memberi kefahaman tentang isu "*stress*" khususnya untuk mahasiswa dan mahasiswi yang akan menghadapi peperiksaan.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Sesi "Kurapak Kitani" Siri Keenam pada 25 Rejab 1438H bersamaan 22 April 2017M bertempat di Auditorium, UNISSA.

Tetamu kehormat ialah Yang Mulia, Dayang Norsadiyah binti Matarsad, Pegawai Kaunselor HEP UNISSA. Sesi "Kurapak Kitani" telah disampaikan oleh Dayang Nur Hazwana binti

Lawatan Sambil Belajar FEKIm UNISSA ke Kuala Lumpur



Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) UNISSA telah mengadakan Program Lawatan Sambil Belajar ke Kuala Lumpur pada 19 hingga 24 Disember 2016M. Rombongan adalah seramai 17 orang; empat orang pensyarah, dua orang pegawai dari Centre for Islamic Banking, Finance and Management (CIBFM) dan 11 orang pelajar tahun akhir Program Ijazah Sarjana Muda Sains Kewangan Islam.

Rombongan telah melawat ke beberapa institusi-institusi sekitar Kuala Lumpur iaitu Institut Perbankan dan Kewangan Islam Universiti Islam Antarabangsa (IiBF Iium), International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), International Sharia Research Academy (ISRA), Bank Negara Malaysia (BNM), Islamic Financial Services Board (IFSB), Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SCM), BaitulMal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), dan Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM).

Program Perkhemahan Belia Hijrah Mahabbah Lillah Uji Ketahanan Mental

Program Perkhemahan Belia *Hijrah Mahabbah Lillah* anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan dikendalikan oleh Kumpulan Al-Qudwahtelah telah diadakan pada 8 Disember 2016M di Auditorium UNISSA. Majlis program berkenaan telah disertai oleh 47 peserta. Objektif program ialah untuk meningkatkan keimanan, motivasi diri serta menguji kemampuan dan ketahanan mental, emosi serta fizikal setiap peserta.

Tetamu kehormat ialah Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Awang Haji Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.



ALSA Conference in Indonesia



Eight law students from Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) left for Bandung, Indonesia on 15 January 2017 to participate in the Asian Law Students' Association Conference (ALSA Conference).

ALSA is a non-political, non-profit association that welcomes cultural diversity and advances the professionalism and hard-working ethic which are the evident characteristic of Asians. ALSA has continuously improved as a premier association that provides the venue for law students to develop as future leaders of Asia.



Projek Dakwah Fakulti Usuluddin UNISSA

Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di bawah kursus UA3306 *Usul Al-Da'wah Wa Manahijuha* (Prinsip dan Metodologi Da'wah) telah mengadakan Projek Dakwah pada 16 Mac 2017M di Auditorium UNISSA. Projek ini merupakan aktiviti ilmiah yang melibatkan mahasiswa dan mahasiswi tahun 3, program Sarjana Muda Usuluddin (Aqidah dan Da'wah) di bawah bimbingan Ustazah Hajah Idahwati @ 'Irdina Nur' aidah binti Haji Idris, tenaga pengajar kursus UA3306 *Usul Al-Da'wah Wa Manahijuha*.



Lawatan Ilmiah SHALAWSOC UNISSA ke Malaysia

Seramai 22 pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyertai lawatan ilmiah ke Malaysia yang dikendalikan oleh Persatuan Mahasiswa dan Mahasiswi Syariah dan Undang-undang (SHALAWSOC) pada 22 hingga 28 Januari 2017M. Lawatan telah diketuai oleh Dekan FSU, Dr Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin dan Ustazah Norasiah binti Haji Amal. Delegasi UNISSA telah membuat lawatan rasmi ke beberapa buah universiti termasuklah Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu; Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan; Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor dan Kolej Islam Antarabangsa Malaysia, Selangor.



Gambar ramai warga Fakulti Syariah dan Undang-Undang UNISSA bersama ahli keluarga semasa acara Hari Keluarga yang diadakan di Taman Rekreasi Hutan Berakas.

Hari Keluarga Fakulti Syariah dan Undang-Undang Eratkan Hubungan Warga UNISSA

Pada 17 Rabiulakhir 1438H bersamaan 15 Januari 2017M, Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) telah mengadakan Hari Keluarga bertempat di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas. Hadir di acara tersebut ialah Dr Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin, Dekan FSU dan Dr Hajah Hanan binti Pehin Dato Haji Abdul Aziz, Timbalan Dekan FSU serta pensyarah-pensyarah, kakitangan dan pelajar-pelajar fakulti berkenaan. Acara tersebut dimeriahkan lagi dengan kehadiran ahli keluarga yang terlibat sama dalam aktiviti-aktiviti sukan dan permainan. Hari Keluarga ini diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan sesama warga FSU.



UNISSA Anjur *Qiyamullail* dan Riadah Bandarku Ceria

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan *Qiyamullail*, Sembahyang Subuh berjemaah dan juga Riadah Bandarku Ceria selama dua hari. Bermula pada 7 Jamadilawal 1438H bersamaan 4 Februari 2017M, acara *Qiyamullail* telah diadakan di Surau Sementara UNISSA. Sementara pada sesi yang lain, Perkongsian Ilmu bagi Mahasiswi telah diadakan di Auditorium UNISSA. Takzilah bertajuk "*Learning from the Muslimah Warriors*" telah disampaikan oleh Dayang Siti Julaiha binti Puasa, Mahasiswi Tahun 3, Fakulti Syariah dan Undang-Undang. Pada 8 Jamadilawal 1438H bersamaan 5 Februari 2017M pula, pelajar UNISSA melaksanakan Sembahyang Subuh berjemaah di Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Acara *Qiyamullail* dan sembahyang berjemaah yang telah diadakan di Surau Sementara UNISSA.



Pihak UNISSA menyertai aktiviti riadah 'Bandarku Ceria' dalam aktiviti berbasikal dan berjalan kaki telah dihadiri oleh Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA (dua dari kanan).

Acara diteruskan dengan senaman aerobik yang diketuai oleh Muhamad Ikhwan Syahmi bin Suhaini, Exco Unit Sukan dan Lojistik, MPP sebelum meneruskan aktiviti berbasikal dan berjalan kaki menuju ke Taman Haji Omar Ali Saifuddin bagi memeriahkan suasana aktiviti riadah "Bandarku Ceria" di samping untuk mengamalkan cara hidup sihat dalam kalangan warga UNISSA agar lebih aktif secara mental dan fizikal. Turut menyertai dalam aktiviti berkenaan ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Timbalan Rektor, Penolong Rektor, Dekan Hal Ehwal pelajar dan beberapa orang pegawai dan kakitangan UNISSA. "Bandarku Ceria" lebih meriah apabila para pelajar UNISSA telah membuka laluan kepada para pengunjung dengan mengadakan "Klinik Surah *al-Fatihah*". Klinik tersebut adalah untuk membantu orang ramai membaiki dan menghalusi lagi bacaan Surah *al-Fatihah*. Pada masa yang sama juga, *Photohunt Race* turut diadakan agar dapat mengeratkan persaudaraan dan perpaduan antara warga UNISSA.

UNISSA Serlah Semangat Berpasukan di Sukan Tahunan dan Hari Usrah



Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan serta para penyarah dan mahasiswa UNISSA.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Majlis Perasmian Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2017 pada 6 Jamadilakhir 1438H bersamaan 5 Mac 2017M bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA dan seterusnya merasmikan majlis berkenaan tanda bermulanya Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2017 yang berlangsung selama sebulan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah *Al-Fatihah* dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis, Awang Md Ikhwani Syahmi bin Suhaini, Exco Unit Sukan dan Lojistik, MPP.

Dalam acara tersebut, tetamu kehormat telah dibawa beramah mesra dengan ahli-ahli rumah sukan iaitu terdiri daripada Rumah *Al-'Abqoriyyun*, Rumah *Al-Mufakkirin*, Rumah *Al-Mujtahidin* dan Rumah *As-Syatirun* yang melibatkan para pegawai dan kakitangan serta

para penyarah dan mahasiswa/mahasiswi UNISSA.

Antara objektif Sukan Tahunan tersebut adalah sebagai platform untuk mengintensifkan kegiatan ko-kurikulum di kalangan mahasiswa dan mahasiswi UNISSA, di samping dapat memupuk kemesraan dan *ukhwah* serta kerjasama dan semangat berpasukan di antara ahli-ahli rumah sukan. Begitu juga, dengan adanya Sukan Tahunan ini akan dapat melahirkan belia yang bijak dalam akademik dan aktif dalam kegiatan sukan.

Di antara aktiviti tersebut ialah pertandingan acara padang dan balapan melibatkan mahasiswa, penyarah dan kakitangan bahagian lelaki dan diselajurkan dengan penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang yang disempurnakan oleh Rektor UNISSA.

Manakala bagi mahasiswi, penyarah dan kakitangan bahagian perempuan telah berlangsung dengan perlawanan permainan dalam (*indoor games*) di Dewan Stadium berkenaan.

Forum Perdana Dedahkan Isu Ekonomi dan Kewangan



Forum Perdana Ekonomi dan Kewangan Islam yang dipengerusikan oleh Dr Hajah Rose binti Abdullah (hujung kiri) bersama ahli-ahli panel forum (dari kiri) Dr. Emir Hrnjic', Mr Mubashar Khokhar dan Profesor Dr Abdul Ghaffar bin Ismail.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) telah mengungkapkahkan Forum Perdana yang bertemakan “Pemeriksaan Ekonomi dan Kewangan Islam Menjamin Keutuhan Ummah” pada 23 Jamadilakhir 1438H bersamaan 22 Mac 2017M bertempat di Auditorium UNISSA. Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Awang Yusof bin Haji Abd. Rahman, Pengarah Urusan, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD). Panelis

forum adalah terdiri daripada golongan profesional, pengamal, dan tenaga akademik iaitu Dr. Emir Hrnjic', Ketua Pegawai Eksekutif, Centre For Islamic Banking, Finance And Management (CIBFM), Mr Mubashar Khokhar, Managing Director Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), dan Profesor Dr Abdul Ghaffar bin Ismail, Profesor FEKIm, UNISSA. Sesi forum telah dipengerusikan oleh Dr Hajah Rose binti Abdullah, Pensyarah Kanan FEKIm, UNISSA.

PERBINCANGAN MEJA BULAT DASAR: PENGURUSAN ZAKAT

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP), telah mengadakan “Perbincangan Meja Bulat Dasar: Pengurusan Zakat” pada 7 hingga 8 Ogos 2017M di UNISSA.

Perbincangan ini telah dihadiri oleh Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Timbalan Rektor UNISSA dan Dr Arman bin Haji Asmad; Penolong Rektor UNISSA.

Tiga orang pembentang dari Malaysia dan Indonesia telah dijemput untuk berkongsi



pengalaman pengurusan zakat di negara masing-masing. Sementara pembentang dari Brunei Darussalam ialah Yang Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, manakala daripada tenaga akademik FEKIm ialah Profesor Dr Abdul Ghaffar Ismail, Dr Hajah Rose binti Abdullah, Dr Hakimah binti Yaacob dan Dr Mohamad Zaki bin Haji Zaini.

Nadwah Kontemporari

Dedah Kesatupaduan Empat Mazhab



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i (PPMS) dengan kerjasama Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah (PPKASWJ), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah menganjurkan Forum Nadwah Kontemporari membawa tajuk 'Ekstremisme Mengancam Perpaduan Ummah' pada 18 Rejab 1438H bersamaan dengan 15 April 2017M bertempat di Auditorium, UNISSA. Tetamu kehormat

majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Ahli panel 'Nadwah Kontemporari' terdiri daripada Penasihat Akademik, UNISSA, Profesor Dato Dr Sayyed Muhammad Aqiel bin Ali Al-Mahdaly; Penolong Profesor, Nanyang Technological University (NTU), Singapura, Dr Mohamed bin Ali dan Pengarah Pusat Bahasa, KUPU SB, Dr Haji Hambali bin Haji Jaili.



Special Talk by Islamic University of Maldives Chancellor

The Chancellor of Islamic University of Maldives (IUM), Dr Mohamed Shaheem Ali Saeed who is a former Minister of Religious Affairs of Maldives, delivered a special talk in Arabic entitled 'Islamic identity in the Republic of Maldives' during a visit to Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). The event took place on the 24 October 2016 at the Training Room L1.3 UNISSA.



A Public Talk by Islamic Universities League



A public talk from the Islamic Universities League (IUL), Egypt was held on 15 November 2016 at the Senate meeting room, UNISSA. The talk entitled 'Islam and Sociology' was delivered by Professor Dr Nabil Mohamed Tawfik, Dean of the Faculty of Humanity, Al-Azhar University, Egypt.

Ceramah Umum dari UNDHAR Indonesia

Pada 28 Rabiulawal 1438h bersamaan 28 Desember 2016, sesi Kuliah Umum telah diadakan yang disampaikan oleh Prof. Dr. Lahmuiddin Lubis, Ketua Senat Universitas Dharmawangsa Indonesia (UNDHAR), dan Dr. Zamakhsyari Hasballah, Dekan Fakultas Agama Islam UNDHAR di Bilik Latihan L1.3 UNISSA.

Prof. Dr. Lahmuiddin Lubis telah menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Eksistensi Pendidikan dan Lembaga Pendidikan Islam di Indonesia (Pra dan Pasca Kemerdekaan Indonesia)', sementara Dr. Zamakhsyari Hasballah pula membentangkan kertas kerja dalam Bahasa Arab mengenai 'Peranan Majlis Ulama di Indonesia dalam Menghadapi Cabaran Masa Kini'.



Kuliah Umum UNISSA dan UNNES

Pada 15 November 2016M, delegasi Universitas Negeri Semarang (UNNES) telah mengadakan satu sesi Kuliah Umum antara UNISSA dan UNNES anjuran Fakultas Syariah dan Undang-Undang UNISSA. Dalam sesi tersebut, Yang Mulia Rektor UNNES, Profesor Dr. Fathur Rokhman sempat membentangkan kertas kerja berjudul *"The Need for Multicultural Education, Conservation and Mental Revolution"*. Manakala pembentangan kertas kerja di pihak UNISSA pula telah diwakili oleh Prof Dr Abdul Mohaimin bin Noordin Ayus, Profesor Fakultas Syariah Dan Undang-undang bertajuk "Pengenalan kepada Undang-Undang Negara Brunei Darussalam: Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013".



Pembentangan kertas kerja oleh Rektor UNNES, Profesor Dr Fathur Rokhman (gambar atas) dan profesor UNISSA, Profesor Dr Abdul Mohaimin bin Noordin Ayus (gambar bawah) semasa sesi Kuliah Umum UNISSA dan UNNES.

Bengkel

Pembinaan Sistem Maklumat



Bengkel Pembinaan Sistem Maklumat telah diadakan oleh Pusat Teknologi dan Multimedia (PTM) pada 7 dan 28 Jamadilawal dan 5 Jamadilakhir 1438H bersamaan dengan 4 dan 25 Februari dan 4 Mac 2017M bertempat di Bilik Makmal ICT 2, UNISSA. Bengkel tersebut dibukakan kepada Staf Akademik Tempatan serta Staf Sokongan UNISSA. Bengkel berkenaan telah disampaikan oleh Dr Adam bin Haji Jait, Pengarah PTM UNISSA.

Bengkel

Kerjaya bagi Bakal Graduan UNISSA 2017

Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNISSA telah mengadakan Bengkel Kerjaya bagi Bakal Graduan UNISSA 2017 pada 25 hingga 26 Sya'ban 1438H bersamaan 22 hingga 23 Mei 2017M bertempat di Bilik Latihan, UNISSA. Agensi yang terlibat dalam bengkel tersebut adalah Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Kementerian Pendidikan, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Persatuan Alumni UNISSA dan SME 360 Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).



PERSIDANGAN & SEMINAR

UNISSA

Ijtima' Menteri-Menteri Agama Islam Borneo & Rektor-Rektor Universiti Borneo



Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, (duduk dua dari kiri).

Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah menghadiri Ijtima' Menteri-Menteri Agama Islam Borneo dan Rektor-Rektor Universiti Borneo pada 25 November 2016 bertempat di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

Ijtima' turut dihadiri oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohd Ariffin bin Mohd Ali, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah, Yang Berbahagia Datu Haji Misnu bin Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak dan Yang Mulia Dr Haji Adanan bin Basar, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).

International Conference on Islamic Awakening Towards Diversed but Unified Societies 2016

UNISSA was specially invited to attend the International Conference on Islamic Awakening towards diversified but unified Societies 2016. The Conference was held from 19-20 November 2016 at the Islamic International University of Maldives. Representing UNISSA to attend the event was the deputy rector, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.





UNISSA Joined The 3rd International Conference on Quality Assurance of Islamic Higher Education

125 representatives from the Institutes of Islamic higher education in Indonesia and from six different countries gathered during the 3rd International Conference on Quality Assurance of Islamic Higher Education. The six countries consist of Turkey, Saudi Arabia,

Malaysia, Brunei Darussalam, Sudan and Uganda. UNISSA had the opportunity to join this conference. Representing UNISSA during the conference was Dr Arman bin Haji Asmad, Assistant Rector of UNISSA. The conference was held from 17-20 December 2016 in Indonesia.

Rektor UNISSA Hadiri Halaqah Ulama ASEAN di Bogor, Indonesia

Pada 16 Disember 2016M, Halaqah Ulama ASEAN 2016 telah diadakan di Bogor, Indonesia. Halaqah tersebut telah menghasilkan kesefahaman yang diberi tajuk "Komitmen Bogor" (*Bogor Commitment*). Komitmen Bogor telah dimaterai oleh peserta perwakilan negara-negara ASEAN yang terdiri dari Brunei

Darussalam, Indonesia, Malaysia, dan Thailand. Negara ASEAN telah diwakili oleh perutusan masing-masing, iaitu Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal dari Brunei Darussalam, Dr. Ahmad Kamil Haji Yusof dari Patani, Thailand Selatan, dan Prof. Dr. Mohd Syukri Yeoh Abdullah dari Malaysia.



Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal (tiga dari kanan), Rektor UNISSA selaku wakil daripada Brunei Darussalam telah menghadiri Halaqah Ulama ASEAN 2016 di Bogor, Indonesia.

The 4th ASEAN International Conference on Islamic Finance 2017 (4th AICIF)

The 4th ASEAN International Conference on Islamic Finance (4th AICIF) telah diadakan pada 6 - 8 Disember 2016 di Equatorial Hotel, Melaka, Malaysia. Penganjur Utama Seminar 4th AICIF ialah Institut Perbankan dan Kewangan Islam (IIBF), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Rakan-rakan penganjur adalah terdiri daripada Universitas

Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, Universitas Islam Sultan Agung (UNISSULA), Universitas Darussalam Gontor (UNIDA), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), dan Mindanao State University (MSU) Philippines. Mengepalari rombongan UNISSA ke Melaka ialah Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIM).



Pertukaran MoA antara Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani bagi pihak UNISSA dan Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr Mizan Hitam, bagi pihak IUM.



Para pensyarah UNISSA yang terlibat dalam pembentangan seminar 4th AICIF, (dari hujung kiri) Hajah Nurul Nabilah binti Haji Ali, Dr Hajah Rose binti Abdullah dan Dr Abdurrahman Radden Aji Haqqi .

Persidangan Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab Asia Tenggara

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Pusat Bahasa, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah bekerjasama menganjurkan Persidangan Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab Asia Tenggara. Persidangan diadakan pada 4 Jamadilawal 1438H bersamaan 1 Februari 2017M. Hari pertama persidangan telah diadakan di KUPU SB sementara persidangan

hari kedua iaitu 5 Jamadilawal 1438H bersamaan 2 Februari 2017M diadakan di UNISSA. Tetamu kehormat pada majlis pembukaan persidangan berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, manakala pada majlis penutup pula ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd Yussof.



Sesi pembentangan yang telah disampaikan oleh Dr Siti Sara bin Haji Ahmad, Dekan Fakulti Bahasa Arab UNISSA.



Para tetamu kehormat yang hadir semasa Majlis Penutup Persidangan Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab Asia Tenggara.

The 7th FUIW General Conference in Morocco

Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, the Rector of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), attended the 7th General Conference of the Federation of the Universities of the Islamic World (FUIW) on 16-17 Jamadilawal 1438 corresponding to 13-14 February 2017, held at the headquarter of the Islamic Educational, Scientific and Cultural Organisation (ISESCO) in Rabat, Morocco.

The organisation consists of 317 universities around the world and among the objectives of the FUIW is to raise the level of scientific research in all fields, exchange views, and meet the needs of developing Islamic civilisation.

The two-day conference was also attended by Dr Jamila El Moussalli, Acting Minister of Higher Education, Scientific Research and

Executive Training of the Kingdom of Morocco; Professor Dr Suliman Aba Al-Khail, Rector of the Islamic University of Imam Muhammad Ibn Saud in Riyadh - Kingdom of Saudi Arabia as Chairman of the FUIW Executive Council; and Dr Abdul Aziz bin Othman Altawajri, ISESCO Director General and Secretary General of FUIW as well as 171 representatives of universities around the world.

UNISSA KOMITED MENGEMBANGKAN ILMU ISLAM DI KEPULAUAN BORNEO



Seramai lima tenaga akademik Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang diketuai oleh Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA komited mengongsikan hasil kajian dan penyelidikan dalam Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-10 (KAIB X) di Universiti

Mulawarman (UNMUL), Samarinda, Kalimantan Timur, Indonesia. KAIB ke-10 yang berlangsung pada 25 hingga 26 September 2017M menentang tema: "*Tamadun Islam di Kepulauan Borneo: Impak Terhadap Pembangunan Ummah Wasatiyyah*".

KAIB merupakan persidangan tahunan yang diterajui Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak dengan kerjasama UiTM Sabah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei Darussalam, Universitas Mulawarman, Samarinda, Universitas Lambung Mangkurat Banjarmasin, Institut Agama Islam Negeri Pontianak, Kolej Universiti Perguruan Islam Seri Begawan (KUPU SB), Brunei Darussalam.

Sebanyak 111 kertas kerja termasuk sembilan kertas utama dibentangkan dalam persidangan tersebut dan melibatkan institusi-institusi penganjian tinggi dari Indonesia, Brunei, Sarawak dan Sabah, Malaysia.



UNISSA dan Rakan IPT Serumpun Anjur **ICON-IMAD VII**

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersama Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung (UIN SGD Bandung), Indonesia, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Malaysia dan Kolej Pengajian Islam, Prince Songkla University (PSU), Thailand, telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Islam di

Alam Melayu kali ke-7 (ICON-IMAD VII) pada 19 hingga 21 September 2017M di Bandung, Indonesia.

ICON-IMAD VII pada tahun ini membawakan tema “Memperkuh Islam Melayu Moderat di Asia Tenggara” dengan lebih 150 pembentang dari empat buah negara dimana 13 pembentang adalah dari UNISSA.

Antara objektif perbincangan sidang ilmu dalam *Wasatiyyah* atau Islam Moderat ini adalah untuk menjadi medan sumbang saran negara-negara Melayu serantau bagi menangani masalah ekstremisme dan radikal yang dilihat semakin

Rektor UNISSA Hadiri Mesyuarat Majlis Pelaksana IUL di Riyadh, Arab Saudi

Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah menghadiri mesyuarat Majlis Pelaksana Rabithah Universiti-Universiti Islam (IUL) Ke 3, bagi Sesi Kesepuluh di Universiti Naif, Riyadh, Arab Saudi. Mesyuarat dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Dr Abdullah bin Abdul Muhsin al-Turkey, Pengerusi Rabithah Universiti-Universiti Islam yang dihadiri oleh beberapa perwakilan dari ahli-ahli majlis Pelaksana IUL dari pelbagai universiti Islam antarabangsa. UNISSA telah dilantik menjadi ahli Majlis Pelaksana IUL sejak November 2016. Sejak menjadi ahli IUL, UNISSA terlibat aktif dalam program-program yang dianjurkan IUL.

UNISSA juga dengan kerjasama IUL akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab dan Pengajian Islam dalam Dunia Islam yang akan berlangsung pada 13 hingga 14 September 2017 di UNISSA.



Isu Aliran Pelampau diketengahkan dalam

Multaqa Ilmu

di Universiti Naif Riyadh, Arab Saudi



Multaqa Ilmu yang bertema “Peranan Universiti Dalam Menangani Aliran Pelampau” telah diadakan di Universiti Naif, Riyadh Arab Saudi anjuran Universiti Naif dengan kerjasama Rabithah Universiti-Universiti Islam (IUI) pada 14 dan 15 Rejab 1438H bersamaan 11 dan 12 April 2017M. Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin

Haji Zainal telah memenuhi undangan ini bersama-sama dengan beberapa orang pemimpin universiti peringkat antarabangsa. Multaqa ini menyaksikan pembentangan oleh 15 orang pakar dan para ilmuwan dari dalam dan luar negara dalam mengongsikan pengalaman dan peranan universiti masing-masing dalam menangani isu pemikiran melampau yang mencetuskan kebimbangan dunia masa kini.



Yang Mulia Rektor UNISSA bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pertubuhan Jaringan Universiti-Universiti Islam Asia-Afrika.

UNISSA Menjadi Salah Sebuah Universiti Pengasas

Penubuhan Jaringan Universiti-Universiti Islam Asia-Afrika & Penyertaan Seminar Antarabangsa di Pakistan



Yang Mulia Rektor UNISSA bersama Pemimpin-Pemimpin Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima undangan untuk menghadiri Mesyuarat Penubuhan Jaringan Universiti-Universiti Islam Asia-Afrika dan diteruskan dengan Seminar Antarabangsa Media Dan Peranannya Dalam Menangani Isu Ekstremisme Dan Terorisme. Sesi Mesyuarat dan Persidangan tersebut telah diadakan pada 18 hingga 19 Sya'ban 1438H bersamaan pada 15 hingga 16 Mei 2017M bertempat di Universiti Islam Antarabangsa, Islamabad (IIU), Pakistan.

Mesyuarat dan Persidangan tersebut telah dihadiri oleh Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin

Haji Zainal, Rektor UNISSA. Mesyuarat dan Persidangan berkenaan telah dihadiri seramai 14 pemimpin-pemimpin universiti Islam terdiri daripada Sudan, Indonesia, Thailand, Jordan, Arab Saudi, Uganda, Maldives, Algeria dan lain-lain yang dipengerusikan oleh Prof. Dr. Ahmed Yousif Ahmed Al Draiwesh selaku Presiden IIU Islamabad, Pakistan.

Dalam mesyuarat berkenaan, UNISSA merupakan salah sebuah universiti yang mempelopori penubuhan Jaringan ini dan diberi penghormatan dengan melantik Yang Mulia Rektor UNISSA sebagai Timbalan Setiausaha Agung pertubuhan berkenaan.

CONPHA Sebagai Platform Tambah Baik Pengurusan Kedermawanan



Persidangan Filantropi Untuk Bantuan Kemanusiaan 2017 atau *Conference On Philanthropy For Humanitarian Aid (CONPHA) 2017* anjuran bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan International Research Centre of Islamic Economics and Finance (IRCIEF), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Malaysia dengan kerjasama Islamic Research & Training Institute, International Islamic Development Bank (IRTI-IDB), Kerajaan Arab Saudi telah diadakan pada 26 dan 27 Sya'ban 1438H bersamaan dengan 23 dan 24 Mei 2017M bertempat di UNISSA.

Objektif seminar ialah untuk mengumpulkan bahan penyelidikan dan tulisan mengenai wakaf, zakat dan lain-lain bentuk bantuan humanitarian dalam Islam.

Ini juga dihasratkan untuk menjadi platform pada perbincangan isu-isu berkenaan bagi mendapatkan resolusi, idea dan pengongsian pengetahuan serta pengalaman, yang mana diharapkan dapat mengemukakan cadangan yang boleh dilaksanakan bagi menambah

baik pengurusan kedermawanan bantuan kemanusiaan. Lebih 30 kertas kerja telah dibentangkan dalam kertas kerja berkenaan.

Majlis Perasmian CONPHA 2017 telah diadakan pada 26 Sya'ban 1438H bersamaan dengan 23 Mei 2017M bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yusoff, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. Majlis diselenggarakan dengan Penandatanganan Memoradum Persefahaman (MoU) antara UNISSA dengan Istanbul Sabahattin Zaim University, Turkey dan juga antara KUIS dengan universiti berkenaan.

Majlis Penutup CONPHA 2017 pula telah diadakan pada 27 Sya'ban 1438H bersamaan dengan 24 Mei 2017M bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup persidangan berkenaan ialah Yang Mulia, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA.



Pendedahan Isu-Isu Halal di Pameran BruHAS dan Seminar SAPPHAT

Jabatan Tenaga dan Industri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menganjurkan Pameran Brunei Halal 2017 (BruHAS 2017) dan juga Seminar Antarabangsa Kedua mengenai Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban Kedua (SAPPHAT) 2017 pada 23 hingga 25 Ogos 2017M di Dewan Persidangan Bridex, Jerudong. Pelancaran telah disempurnakan oleh Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Tujuan BruHAS 2017 adalah bagi mendedahkan produk dan perkhidmatan halal tempatan dan juga bagi menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam usaha perniagaan mereka untuk menjadi kompetitif di peringkat antarabangsa dan menjadi pemain global.

Seminar SAPPHAT 2017 telah menampilkan siri ceramah daripada penceramah antarabangsa dan juga forum bertajuk 'Memperkasakan Industri Halalan Thayyiban Asas Pembentukan *Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur*',.




PENGANTARABANGSAAN



KEAHLIAN UNISSA

Peringkat Antarabangsa





Omani Envoy Commends UNISSA Students

The Ambassador of the Sultanate of Oman to Brunei Darussalam, Sheikh Ahmed bin Hashel bin Rashed bin Hashel Al-Maskari has honoured 15 students from the Faculty of Arabic Language, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) during a reception held at the premises of the Embassy of the Sultanate of Oman in Brunei Darussalam.

The students were honoured for their volunteer work in helping the embassy man their booths during Brunei's Book Fair held from 30 Jamadilawwal - 8 Jamadilakhir 1438H corresponding to 27 February - 7

March 2017M.

Sheikh Ahmed bin Hashel bin Rashed bin Hashel Al-Maskari presented certificates of appreciation to the students.

The ambassador praised the students for their enthusiastic support and cooperation towards the embassy. The Rector of UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, expressed his gratitude to the embassy for giving UNISSA students the opportunity to do voluntary work and also expressed his appreciation for the donation of books.

UNISSA Received Books from Pakistan High Commission

On 4 October 2016, the Pakistan High Commission presented 113 books to Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) in a bid to strengthen relations with Brunei. Welcoming the latest addition to the library's collection, UNISSA Rector Dr Hj Norarfan bin Hj Zainal said the books will be "undoubtedly useful" for students, serving as a medium to enrich and expand their knowledge of the Islamic republic. The event took place at the Library.

The books covered a wide range of topics in the fields of Islamic studies, international relations, political economy, history of Pakistan and its place in the contemporary world. This is part of the continuous efforts to strengthen the ties between Brunei Darussalam and the Islamic Republic of Pakistan. The Rector of UNISSA also expressed his hopes that there will be more endeavours in further bolstering relations between the two countries in the future.



Rector of UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal presenting a gift to the Acting High Commissioner of Pakistan to Brunei, Ahmed Ali Sirohey

According to the Acting Pakistan High Commissioner to Brunei, Ahmed Ali Sirohey, the books were handed over to UNISSA in a move to support the "reawakening of the Islamic world" and to highlight the importance of pursuing knowledge.

MEMORANDUM

Persefahaman (MoU)

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) UNISSA & UNIVERSITI LUAR NEGARA



Egyptian University of Islamic Culture Nur-Mubarak pada 22 Oktober 2016.



Islamic University of Maldives pada 22 Oktober 2016.



Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) pada 22 Oktober 2016.



Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 22 Oktober 2016.



Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) pada 22 Oktober 2016.



Universitas Islam Negeri Fatah Palembang (UIN) pada 22 Oktober 2016.

MEMORANDUM

Persefahaman (MoU)




Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Bukittinggi,
Sumatera Barat, Indonesia pada 31 Oktober 2016.



Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Malaysia
pada 5 November 2016.




Universitas Negeri Semarang (UNNES), Indonesia
pada 14 November 2016.



Universitas Dharmawangsa Indonesia (UNDHAR)
pada 28 Disember 2016.



Bilad Al-Syam University (BSU) Syria pada
23 Januari 2017.



International Islamic University (IIUI) Islamabad,
Pakistan pada 15 Februari 2017.

MEMORANDUM

Persefahaman (MoU)



International University of Agadir
(UNIVERSIAPOLIS) Maghribi pada
15 Februari 2017.



Universiti Utara Malaysia (UUM)
Malaysia pada 15 Februari 2017.



Universiti Teknologi MARA (UiTM) Malaysia
pada 25 Mac 2017.



Princess of Naradhiwas University (PNU) Thai-
land pada 28 Mac 2017.



Jami'ah Islam Sheikh Daud Al-Fathani (JISDA)
Thailand pada 28 Mac 2017.



Universitas Negeri Semarang (UNNES) Indonesia
pada 29 Mac 2017.

MEMORANDUM

Persefahaman (MoU)



Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Malaysia
pada 8 April 2017.



Istanbul Sabahattin Zaim University, Turki pada 23 Mei 2017.

Lawatan Daripada Kedutaan Palestin



22 Februari 2017

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Palestin ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Anwar H. Al-Agha.

Lawatan Daripada Kedutaan Kuwait



21 Mac 2017

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Fahad Mashary Al-Thafiri.

Lawatan Daripada Kedutaan Republik Rakyat China



16 Mac 2017

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian.

Lawatan Daripada Kedutaan Republik Turki



1 Jun 2017

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun.

Lawatan Daripada Kedutaan Thailand



7 Jun 2017

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Biravij Suwanpradhes.

Lawatan Daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan



14 Jun 2017

Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mejar General (R) Tariq Rashid Khan.

Lawatan Daripada Pesuruhjaya Tinggi India



21 Jun 2017

Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Nagma M Mallick.

Kunjungan Hormat ke Universiti Malaysia Sabah (UMS)



24 November 2016

Kunjungan hormat kepada Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah di Pejabat Naib Canselor UMS.

Kunjungan ke *Centre of Islamic Studies, PSU Thailand*



28 Mac 2017

Kunjungan kepada Pengarah *Centre of Islamic Studies (CIS)*, Yang Mulia Dr Yusof Talek di University Prince of Songkla (PSU), Kampus Pattani.

Timbalan Rektor UNISSA Hadiri Mesyuarat & Forum AUAP



Universiti Islam Sultan Sharif (UNISSA) adalah merupakan ahli *Association of Universities of Asia and the Pacific* (AUAP) yang telah diterima secara rasmi sebagai ahli pada 6 Disember 2016. Manakala Yang Mulia Rektor Ali UNISSA adalah merupakan Ahli Lembaga Mesyuarat AUAP yang telah dilantik oleh Presiden AUAP, Dr Sunghee Num bagi tempoh selama dua (2) tahun mulai 8 November 2016 sehingga General Conference yang akan datang pada November 2018.

Yang Mulia Rektor telah mewakili Yang Mulia Timbalan Rektor, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad untuk

menghadiri Mesyuarat Lembaga Eksekutif AUAP kali ke-41 dan seterusnya menyampaikan ucap tama (*keynote speech*) dalam AUAP *Learning and Sharing Forum* kali ke-15 pada 19-21 Mei 2017 di Danubius University of Galati (DUG), Romania atas undangan daripada AUAP.

Yang Mulia Timbalan Rektor UNISSA telah menyampaikan *Keynote Speech V* dalam AUAP Plenary Session dengan tajuk: "*Enhancing an Effective Student Mobility Programme: The Experience of UNISSA*". *Keynote Speech* tersebut diikuti dengan sesi soal jawab daripada peserta forum. Seramai enam orang ketua institusi pengajian tinggi dari Amerika Syarikat, Thailand, Mexico, Jepun dan juga Brunei telah

menyampaikan pembentangan *keynote speech* masing-masing. Mesyuarat Lembaga Eksekutif AUAP kali ke-41 telah diadakan pada 19 Mei 2017 sejeurus selesai AUAP *Learning and Sharing Forum* kali ke-15. Yang Mulia Timbalan Rektor UNISSA dan Yang Mulia Penolong Pendaftar (Pentadbiran) telah menghadiri mesyuarat tersebut. Mesyuarat dipengerusikan oleh Presiden AUAP, Dr Sunghee Num yang merupakan Presiden Daegu Health College, South Korea dan dibantu oleh Setiausaha Agung AUAP, Profesor Dr Ricardo Pama yang merupakan Presiden University of the Cordilleras, Philippines, dan Penolong Setiausaha Agung AUAP, Profesor Dr Kyung Yong Kim dari Daegu Health College, South Korea.

Perjumpaan dengan Institusi-Institusi Tinggi di United Kingdom

Dr Haji Mohammed Hussein bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor telah membuat lawatan kerja ke empat buah institusi pengajian tinggi di United Kingdom, iaitu University of Reading, Durham University, SOAS, University of London, dan Oxford Centre for Islamic Studies (OCIS) pada 22 hingga 25 Mei 2017.



Semasa perbincangan bersama Dr Alberto Asque, Director, Centre for Financial and Management Studies (CeFiMS), SOAS, University of London.



Perbincangan bersama Mr Richard Youst Weyers, Deputy Registrar OCIS.



Timbalan Rektor UNISSA semasa perbincangan bersama pihak University of Reading.

Lawatan STAIN Bengkalis Indonesia ke UNISSA



19 - 21 Mei 2017

Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA menyampaikan cenderahati kepada Yang Berbahagia Professor Dr H. Samsul Nizar, yang mengetuai rombongan STAIN seramai enam orang.



Lawatan YAMDAH Malaysia ke UNISSA

22 Mac 2017

Delegasi Yayasan Mujamma' Darul Hadis (YAMDAH) Malaysia yang diketuai oleh Pengerusi YAMDAH, Yang Berbahagia Tuan Syeikh Muhd Zainul Asri bin Mohd Romli.



Lawatan UiTM Malaysia ke UNISSA

25 Mac 2017

Delegasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) Malaysia yang diketuai oleh Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM.



Lawatan Yayasan Pembangunan Buku Negara Malaysia ke UNISSA



2 Mac 2017

Rombongan daripada Yayasan Pembangunan Buku Negara Malaysia.

Lawatan dari University of British Columbia (UBC) Canada ke UNISSA



20 Mac 2017

Delegasi rombongan University of British Columbia (UBC) Canada yang diketuai oleh Grace H. Wong.

Lawatan Presiden IFIHL Qatar ke UNISSA



1 Februari 2017

Lawatan daripada Presiden Al-Muntada Al-Islami li Al-Qanun Ad-Dauli Al-Insai (IFIHL) Qatar, Dr Fauzi Oussiddiq.

Kunjungan Delegasi UNISBA Indonesia



13 Februari 2017

Delegasi rombongan Fakultas Ekonomi dan Bisnis, Universiti Islam Bandung (UNISBA) Indonesia yang diketuai oleh Dr Atih R Dariah.

Kunjungan Hormat Xinjiang Uygur Autonomous Region of China dan Islamic Studies, China State Administration



15 April 2017

Kunjungan delegasi daripada Xinjiang yang diketuai oleh Tuan Huang Junxian, Ketua Pengarah Pejabat Maklumat Majlis Negeri China.



Lawatan Universitas Al-Washliyah (UNIVA) Indonesia ke UNISSA



19 April 2017

Delegasi Universitas Al-Washliyah (UNIVA) yang diketuai oleh Rektor universiti berkenaan, Yang Mulia Profesor Dr H. Basyaruddin, MS.

Lawatan Institut Halal Jepun ke UNISSA



20 Jun 2017

Lawatan daripada Profesor Dr Quamrul Hasan, Pengerusi Japan Halal Research Institute for Products and Services (JAHARI), Kobe, Jepun.



**KHIDMAT
MASYARAKAT**

'Ramadan Food Drive' Students' Yearly Contributions to Community



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) through its Student Affairs Division and the Welfare and Community Unit of the Student Representatives Council organized Ramadhan Food Drive, a fundraising drive to contribute to underprivileged families during the month of Ramadan 1438H. The food drive began 6 April 2016/9 Rejab 1438H until 15 April 2016/18 Rejab 1438H. The donation was distributed to the families on 19 May 2017.



A student handing over a donation to a recipient.

'Ziarah Mahabbah' Programme HELPS LESS FORTUNATE

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) through the Faculty of Economics and Islamic Finance (FEKIm) organised the 3rd 'Ziarah Mahabbah' programme in Mukim Lumapas from 23-24 Sya'ban 1438H corresponding to 20-21 May 2017M.

The objective was to expose the undergraduates on the living conditions of those who are in need of support and assistance. The programme became a

platform to train students to become future leaders of tolerance and caring. Ten families at Kampong Putat, Kampong Kasat, Kampong Tarap Bau/Lupak Luas, Kampong Lumapas 'A' and Kampong Lumapas 'B' have been selected for this programme. Among the activities were cleaning campaign of homes, religious talk, and a motivational lecture titled '*Belia Pemangkin Negara, Bersatu Membantu Ummah*'. 67 students from Year 1 and 3, and 17 lecturers and staff of FEKIm were involved in the cleaning campaign.



Lawatan Sambil Berdakwah

Pelajar Fakulti Usuluddin ke Daerah Temburong



Mahasiswa bergambar ramai bersama saudara-saudara baru lelaki.

Seramai 59 orang mahasiswa dan mahasiswa Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), telah mengadakan lawatan sambil berdakwah ke Daerah Temburong pada 26 Zulhijjah 1438H bersamaan dengan 18 September 2017M. Rombongan terdiri daripada pelajar tahun 1 hingga 4 dan diiringi oleh 2 orang pensyarah di Fakulti Usuluddin.

Sasaran lawatan ini adalah saudara-saudara baru di daerah Temburong dan tertumpu di dua buah tempat iaitu Masjid Utama Muhammad Salleh dan Balai Ibadat Kampung Sibut, Temburong.

Objektif utama lawatan ini ialah untuk melahirkan sikap suka bermasyarakat dalam kalangan para mahasiswa. Selain

dari itu juga, ia sedikit sebanyak akan membina jati diri dan menambah lagi kemahiran para mahasiswa/i dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat, lebih-lebih lagi untuk mereka yang mengambil program aqidah dan dakwah. Ini juga untuk memberikan peluang secara praktikal selain belajar teori di kuliah.

Antara aktiviti yang dibuat sepanjang lawatan ini ialah Klinik Al-fatihah, program fardhu ain dan, 'kafe usuluddin', dengan menfokuskan golongan saudara-saudara baru untuk memperbaiki mutu bacaan dalam solat dan memperkenalkan Sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam makan dan minum dan juga diselitkan dengan penyampaian tazkirah oleh mahasiswa/i fakulti usuluddin.

PROGRAM TUNAS HARAPAN

Memupuk Semangat Kepimpinan Belia Masa Hadapan

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) hari ini telah menganjurkan Program Tunas Harapan kali ke-2 (PTH-2) pada 18 September 2017. Program ini merupakan program tahunan anjuran pelajar Tahun 3 fakulti tersebut. Seramai 27 orang pelajar FEKIm UNISSA telah terlibat.

PTH-2 2017 telah mensasarkan lokasinya ke Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Bandar Seri Begawan. Para peserta program adalah terdiri daripada 60 orang penuntut Tahun 9.

PTH-2, 2017 merupakan satu program yang direka khusus oleh FEKIm UNISSA untuk melatih mahasiswa-mahasiswi menjadi tunas belia negara yang akan memimpin negara pada masa hadapan. Selain itu, program ini juga dihasratkan akan mampu melatih mahasiswa-mahasiswi untuk lebih kreatif dan inovatif dalam mengatur, mengurus, dan menabur khidmat bakti kepada masyarakat setempat yang berlandaskan etika Islam.



Yang Mulia Puan Hajah Susilawati binti Dato Paduka Haji Muhammad, Pengetua STPRI menyampaikan cenderahati kepada Yang Mulia Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan FEKIm UNISSA.





A group photo of UNISSA participants during the Varsity Cycle event held at Bandar Seri Begawan.

UNISSA Jointly Organised 'Varsity Cycle' for DANA

In conjunction with the 43rd birthday of His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, the Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office and Pro-Chancellor of Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), and Universiti Teknologi Brunei (UTB), 'Varsity Cycle', a charitable cycling expedition for the Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Fund for Orphans (DANA) was held on 22 Jamadilawal 1438H corresponding to 19 February 2017M at UTB.

Gracing the event was Her Royal Highness Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman. Also amongst the 200 cyclists taking part in the event were the Vice-Chancellor of UBD, Datin Dr Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Rector of UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; and the Vice-Chancellor of UTB, Professor Dr Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

The 43km ride began at the UTB Compound, encompassing the Tungku Highway route and the Sultan Hassanal Bolkiah Highway towards Bandar Seri Begawan, where they had a pit stop at the capital for the Bandarku Ceria event before returning to The Core at UBD.

UNISSA Anjur Majlis Amal



Timbalan Rektor, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (empat dari kanan) memotong riben tanda perasmian Majlis Amal bagi Kutipan Dana Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Syariah dan Undang-Undang dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa dan Mahasiswi Syariah dan Undang-undang, telah mengadakan Perasmian Majlis Amal bagi Kutipan Dana Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim bertempat di Kompleks Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Majlis ini diadakan pada 9 Disember 2016. Majlis Amal ini telah diadakan selama tiga hari iaitu dari 9 Disember 2016 hingga 11 Disember 2016.

Antara aktiviti yang diadakan ialah pameran binatang peliharaan dan eksotik, jualan beraneka barang dan permainan seperti *E-sport*, *Darts balloons*, *ringtoos*, menjaringkan

gol, kuiz dan banyak lagi serta jualan makanan. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Rektor UNISSA, Dr Haji Muhammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Tema bagi majlis '*Fastabiqul Khairats*', iaitu diambil dari Surah Al-Baqarah, ayat 148 yang membawa maksud 'maka berlumba-lumbalah kamu dalam membuat kebaikan'.

Slogan itu menggalakkan dan memberi dorongan kepada semua orang Islam untuk tidak menundakan perkara yang berkebakjikan terutama sekali kepada mereka yang memerlukan. Antara objektif program adalah untuk memupuk rasa kasih sayang, belas kasihan serta pemedulian ke atas anak-anak yatim di negara ini.



Kempen Kebersihan melibatkan kawasan persekitaran UNISSA yang diketuai oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal bersama lebih 100 orang yang ikut serta terdiri daripada kalangan pensyarah, pegawai dan kakitangan serta pelajar-pelajar UNISSA.


Inisiatif Kempen Kebersihan adalah untuk memupuk sifat 'kekitaan' dalam menjaga kebersihan universiti oleh semua pihak yang berkepentingan.


Kempen Kebersihan Persekitaran UNISSA





UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SIMPANG 347, JALAN PASAR BAHARU, GADONG BE1310,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

 +673 2462000

 +673 2462233 / +673 2462366

 <http://www.unissa.edu.bn>

 info@unissa.edu.bn

